

Pilihan raya kecil mungkin diadakan?

► Selepas petisyen mengenai keputusan PRU13 didengar di mahkamah

Oleh **SURAI DAH ROSLAN**
hadieydah18@yahoo.com

KOTA KINABALU: Beberapa pilihan raya kecil mungkin diadakan dalam tempoh enam bulan yang akan datang selepas petisyen mengenai keputusan PRU13 dihujahkan di mahkamah.

Penganalisis politik merangkap kolumnis Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr Jeniri Amir berkata demikian dalam hujahnya sebagai salah seorang ahli panel Program Wacana Ilmu 'Pasca 5 Mei' di Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS, di sini kelmarin.

Beliau mendakwa apabila petisyen mengenai PRU13 dihujahkan, ia akan memperlihatkan beberapa pilihan raya kecil bakal diadakan.

Katanya, setakat ini kerajaan BN sudah memfailkan 20 petisyen dan Pakatan Rakyat (PR) juga turut memfailkan dalam jumlah yang hampir sama.

Beliau menjangkakan dalam pilihan raya kecil itu, PR dan BN akan memenangi beberapa kerusi tetapi akhirnya, kemenangan masih berpihak kepada BN.

Dalam padai itu, beliau menolak dakwaan yang dikemukakan



(kiri-kanan) NO'MAN, Abdullah, Jeniri dan Ag Buhtamam sedang mengemukakan pandangan mengenai topik 'Pasca 5 Mei' dalam Program Wacana Ilmu yang diadakan di PPUMS, di sini pada Rabu.

beberapa pihak bahawa 40,000 orang dari Sabah dan Sarawak diterbangkan ke Semenanjung untuk mengundi.

"Tuduhan itu tidak logik kerana untuk menerbangkan orang dari Sabah dan Sarawak bukan mudah apatah lagi kalau mereka ingin mengundi," katanya.

Katanya, beliau ingin melihat kematangan politik berlaku di negara ini kerana apa yang berlaku kerajaan

hanya bertindak apabila adanya tekanan yang dilakukan oleh pihak tertentu.

"Transformasi yang berlaku dalam negara ini kerana adanya tekanan daripada apa yang telah berlaku dalam PRU 2008. Maka, mahu tidak mahu kerajaan BN terpaksa melakukan transformasi dari segi politik, undang-undang dan akta dipinda.

"Cuba fikir jika tidak ada desakan daripada Pertubuhan

Bukan Kerajaan (NGOs) dan masyarakat sivil, adakah kerajaan BN akan memansuhkan ISA? Saya tidak fikir ia akan dimansuhkan kerana siapa yang ingin melepaskan kuasa," katanya.

Menurut beliau, di bawah Tun Dr Mahathir Mohammad itulah (ISA) instrumen hegemoni yang digunakan malah disalahgunakan oleh mantan perdana menteri itu untuk mantapkan kuasanya.

"Namun, atas desakan yang begitu kuat terhadap pendedahan dan kelemahan ISA, maka ia dimansuhkan dengan membuat pindaan terhadap akta yang lain," katanya.

Dalam isu berlainan, Jeniri menyatakan bahawa wadah terbaik menyatu-padukan rakyat pelbagai kaum adalah melalui sekolah.

Namun, cadangan menubuhkan Sekolah Wawasan yang dikemukakan oleh Tun Mahathir dahulu juga pernah ditolak kerana kaum Cina takut budaya dan bahasa mereka terhakis.

Beliau percaya di Sabah dan Sarawak, sekolah Cina bukan isu, malah dapat lihat perkembangan positif yang mana semakin ramai kaum bumiputera yang belajar di sekolah Cina.

Dua lagi ahli panel yang hadir adalah Pendaftar UMS Lt. Kol (K) Datuk Abdullah Mohd Said serta Naib Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) merangkap Yang Dipertua DPMM Sabah Datuk Ag Buhtamam Ag Mahmud.

Moderator program itu adalah Presiden Pesatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) UMS, No'man Datuk Ahmad.